

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu kelekaan penggunaan gadget dalam kalangan kanak-kanak pada era ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu bapa zaman sekarang gemar 'mendidik' anak-anak mereka untuk menggunakan *gadget* sejak kecil sehingga mereka begitu leka bermain. *Gadget* yang dimaksudkan adalah telefon mudah alih, tablet dan iPad. Ini termasuk juga televisyen.

Memang tidak dapat dinafikan penggunaan *gadget* mempunyai banyak faedah terutama dalam urusan pembelajaran, komunikasi dan jual beli. Namun, teknologi juga memberi kesan negatif terutamanya kepada kanak-kanak jika disalahgunakan dan tanpa pengawasan orang tua.

Menurut laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) tahun 2017, oleh Institut Kajian Umum (IKU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 50.1% pelajar sekolah menengah (13-17 tahun) menghabiskan masa lebih tiga jam untuk menonton TV, bermain permainan di komputer dan sebagainya. Tinjauan tersebut juga mendapati sebanyak 85.6% remaja adalah pengguna internet dan 29.0% dalam kalangan mereka telah ketagihan internet. Peralatan untuk mereka melayari internet adalah telefon pintar (94%), komputer (62%) dan peranti tablet (31%).

Manakala satu tinjauan pendapat yang dilakukan oleh LPPKN di Lembah Klang mendapati 78.3% ibu bapa membenarkan anak-anak memiliki *gadget*. Amat membimbangkan dengan sikap masyarakat yang kini dilihat begitu terikat dengan *gadget* dan peranti digital untuk memperoleh maklumat serta berkomunikasi, tanpa mengendahkan dunia fizikal di sekeliling mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kementerian seperti:

- i) LPPKN telah menganjurkan majlis ilmu kekeluargaan sempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2018 iaitu Forum Keibubapaan di Alam Siber dan bicara Santai Keluarga yang

SOALAN NO. 3

membincangkan beberapa topik penting seperti keselamatan siber, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) dan pornografi. Program ini telah diadakan pada 3 November 2018 di Pusat Keluarga LPPKN Seremban 2, Negeri Sembilan;

- ii) LPPKN turut menganjurkan Forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF pada 20 Jun 2019. Topik berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber, jenayah seksual kanak-kanak terus dibincang dalam Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru pada 13 Julai 2019 (melibatkan 775 peserta) serta forum kekeluargaan yang diadakan LPPKN dengan kerjasama NGO pada 25 November bersempena Bulan Keluarga Kebangsaan tahun 2019; dan
- iii) Kementerian melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan Seminar Keselamatan Kanak-Kanak "*Always Beware and Be Aware (ABBA)*" semenjak tahun 2015. Seminar ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Dasar Kanak-kanak Negara (DKKN) dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara iaitu setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk membesar dalam persekitaran yang selamat. Seminar ini telah diadakan di Felda Residence, Sungai Klah, Perak, Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka dan Langkawi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah punca kelewatan dalam membentangkan Akta Gangguan Seksual di Parlimen ini serta adakah akta ini juga akan melindungi kaum lelaki juga yang menjadi mangsa gangguan seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menggubal akta berkaitan gangguan seksual yang efektif dan komprehensif, Kementerian ini perlu mendapatkan input dan pandangan daripada pelbagai pihak. Ini dilaksanakan melalui platform sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian dan agensi yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan serta ahli-ahli akademik. Sesi libat urus dengan Ahli-ahli Parlimen juga telah dilaksanakan pada 16 Julai 2019 yang lepas. Selain itu, maklum balas daripada orang awam juga diperoleh melalui Tinjauan Soal Selidik Gangguan Seksual secara atas talian bermula pada 5 Ogos 2019 sehingga 5 September 2019 yang melibatkan seramai 28,852 responden di Malaysia. Terkini, satu perbincangan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 24 Oktober 2019 berkenaan prosedur menangani kes gangguan seksual dalam kalangan penjawat awam di hospital, yang bertujuan untuk mengenal pasti kelompangan terhadap perundangan dan prosedur dalaman sedia ada agar ia boleh ditangani melalui penggubalan akta berkaitan gangguan seksual. Bagi menyediakan draf undang-undang tersebut, Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan wakil Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk melihat aspek pemakaian Kanun Tatacara Jenayah dalam pengendalian kes-kes gangguan seksual.

Pada masa ini, Kementerian bersama Pasukan Projek Khas Rang Undang-Undang Gangguan Seksual yang terdiri daripada wakil Kementerian dan agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik serta wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan isu gangguan seksual sedang melakukan penambahbaikan terhadap draf rang undang-undang berkenaan berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada sesi libat urus dan perbincangan yang telah dilaksanakan. Antara elemen-elemen dalam draf tersebut yang sedang diperhalusi merangkumi definisi gangguan seksual yang menyeluruh, mekanisme pengaduan dan penyelesaian yang lebih efektif dan aspek perlindungan kepada pengadu. Elemen remedi dan penalti turut diberikan

SOALAN NO. 10

perhatian selain mengesyorkan standard pembuktian yang bersesuaian bagi kes-kes gangguan seksual. Kementerian juga berhasrat untuk melakukan penambahbaikan terhadap sistem keadilan sedia ada menerusi penubuhan tribunal khusus untuk mendengar dan menangani kes-kes gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira gangguan seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia, kaum ataupun agama dan insiden ini juga tidak terhad kepada berlainan jantina, malah boleh dilakukan oleh lelaki terhadap lelaki atau wanita terhadap wanita, maka rang undang-undang ini adalah terpakai kepada lelaki dan wanita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah polisi-polisi baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk melindungi hak wanita dan hak kanak-kanak dan apakah inisiatif baru yang sedang dipelopori.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda mengarusperdana gender perlu menjadi keutamaan semua pihak bagi memastikan perspektif gender diambil kira dalam aspek penggubalan, perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar. Dalam hal ini, Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak *United Nations Development Programme (UNDP)* untuk melihat dan meneliti keberkesanan pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) yang telah ditetapkan. Melalui kerjasama yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita termasuk dari aspek perlindungan dan keganasan terhadap wanita. Bagi mencapai hasrat ini juga, Kementerian sedang mengukuhkan peranan *Gender Focal Point* melalui pembentukan *Gender Focal Team* di setiap Kementerian dan agensi. Antara tindakan awal yang telah diambil adalah dengan melaksanakan program pembangunan kapasiti *Gender Focal Team KPWK* dan seterusnya akan diperluaskan ke agensi Kerajaan yang lain kerana tanggungjawab untuk melindungi wanita merupakan tanggungjawab bersama.

Kerajaan juga telah memperkenalkan program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang asas kepada kaum wanita. Ia bertujuan untuk memperkasa hak wanita dan mengiktiraf kepentingan peranan kaum wanita terutamanya dalam kalangan suri rumah.

Dari aspek perlindungan terhadap wanita pula, Kementerian dalam proses menubuhkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang antara lainnya berfungsi sebagai mekanisme untuk memantau, menyelaras dan menangani isu keganasan rumah tangga dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif-inisiatif untuk melindungi hak kanak-kanak pula adalah seperti:

- (i) cadangan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak serta penambahan bilangan Pelindung dan Pembantu Pelindung kanak-kanak;
- (ii) program kesedaran yang lebih proaktif seperti:
 - a. kempen kesedaran mengenai pembuangan bayi dengan kerjasama syarikat swasta;
 - b. infografik pemilihan TASKA dimasukkan dalam Buku Kesihatan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak KKM; dan
 - c. video '*safe touch bad touch*' tertumpu kepada kanak-kanak melalui Youtube dengan kerjasama Google
- (iii) pengenalan sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak;
- (iv) pengenalan program *Diversion* secara rintis sebagai pendekatan alternatif untuk mengendalikan pesalah kanak-kanak;
- (v) pengenalan projek rintis pemeliharaan berasaskan keluarga (PBK) untuk memastikan kanak-kanak dalam institusi boleh ditempatkan semula dalam persekitaran keluarga; dan
- (vi) sesi libat urus dan pembangunan strategi dan pelan menangani perkahwinan bawah umur dengan penglibatan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini juga sedang menyediakan Draf Strategi dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan bawah Umur. Pelan ini telah diedarkan kepada semua Kementerian dan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri agar dapat meneliti dan mempersetujui Pelan tersebut. Sehubungan itu saya merayu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mendapatkan kerjasama daripada Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing untuk mengemukakan maklum balas terhadap draf pelan menangani perkahwinan bawah umur yang telah diedarkan tersebut. Kementerian amat mengharapkan agar pelan yang dibangunkan bersama-sama ini

SOALAN NO. 13

melalui beberapa siri libat urus dapat dilaksanakan dalam masa terdekat demi kesejahteraan kanak-kanak. Dengan pelaksanaan Pelan ini ia menunjukkan keseriusan dan komitmen Kerajaan bersama pihak Kerajaan Negeri dalam kita menangani punca perkahwinan bawah umur ini.

Usaha yang berterusan dan komprehensif untuk melindungi wanita dan kanak-kanak sememangnya memerlukan komitmen dan kerjasama yang jitu daripada semua pihak termasuk agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan juga masyarakat setempat bagi memastikan hak-hak mereka sentiasa dilindungi dan diiktiraf.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini keganasan rumah tangga yang dilaporkan setiap tahun sejak 2013 berdasarkan kategori agama dan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Jumlah kes warganegara yang dilaporkan dari tahun 2013 hingga 2018 adalah sebanyak **4,071** kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,386** kes (58%) adalah kaum Melayu, **773** kes (19%) adalah kaum India, **486** kes (12%) adalah kaum Cina, **312** kes (8%) adalah kaum Peribumi Sabah, **81** kes (2%) adalah Peribumi Sarawak, **6** kes (0.2%) adalah Peribumi Semenanjung dan **27** kes (0.8%) adalah lain-lain kaum.